KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	04.03.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JKPTG			



GHAZALI



SUHAILI

Penduduk Kenyir risau runtuhan

HULU TERENGGANU – Kejadian aliran puing yang menyebabkan beberapa cerun runtuh di Jenagor dekat Stesen Janakuasa Sultan Mahmud di sini merisaukan ribuan penduduk kampung berhampiran.

Fenomena itu bukan sahaja merunтuhkan cerun yang begitu hampir dengan empangan terbabit malah membawa sisa kayu dipercayai dari hutan di situ.

Seorang penduduk, Ghazali Abdul Rahman, 63, berkata, dia dan penduduk kampung lain bimbang runtuhan cerun itu akan menjejaskan struktur Empangan Kenyir.

"Berdasarkan pemerhatian saya, setakat ini struktur premis perniagaan, pondok pengawal dan surau yang terletak berhampiran pintu masuk empangan telah ranap.

"Keadaan ini sahaja sudah amat menakutkan, saya tidak dapat bayangkan malapetaka yang bakal jadi sekiranya melibatkan struktur empangan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Ghazali berkata, dia percaya runtuhan cerun itu berpunca daripada pergerakan tanah di Bukit Pancor dan Bukit Rasok berhampiran.

Ujarnya, pergerakan tanah di kawasan berbukit itu disebabkan hujan terlalu lebat dan dipercayai sebagai punca banjir lumpur hingga ke mukim Tersat.


Terengganu terdedah aliran puing

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Seorang lagi penduduk, Suhaili Suhaidi, 43, pula berkata, dia terkejut apabila dapati runtuhan cerun terbabit amat serius.

"Kami tidak dengar bunyi siren amaran daripada pihak pengurusan empangan pada hari kejadian (Ahad lalu).

"Saya rayu kerajaan negeri dan agensi berkenaan tidak pandang ringan dan segera mengambil tindakan membaiki kerosakan segera," katanya.

Suhaili berkata, penduduk kampung mahu jaminan keselamatan tinggal dekat situ.

Kosmo! semalam melaporkan Terengganu berisiko mengalami kejadian aliran puing lebih kerap sekiranya negeri berkenaan menerima taburan hujan yang banyak dan dalam tempoh lama.

Timbalan Pengarah Geosains, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Terengganu, Mazlan Mohamad Zain berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa cerun runtuh khususnya di Kawasan Jenagor dekat situ.